

20/10/1998

Masa terbaik bincang strategi pulih ekonomi

KOTA BHARU, Isnin - Sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan depan, adalah forum perbincangan terbaik ke arah mencari penyelesaian terhadap usaha pemulihan ekonomi yang sedang melanda rantau ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Apec mempunyai fungsi penting dalam menentukan aliran perdagangan, kedudukan kewangan dan pertumbuhan ekonomi semasa negara anggota.

Menurutnya, adalah penting bagi semua pemimpin kanan negara anggota terbabit menghadiri sidang kemuncak Apec di ibu negara bagi memastikan persidangan itu mencapai matlamat dalam konteks memulihkan ekonomi serantau.

"Tempias kegawatan ekonomi dunia lebih cenderung dirasakan oleh negara rantau Asia seperti Jepun, Korea, Thailand dan Indonesia selain Malaysia sendiri.

"Agenda utama kita menerusi sidang kemuncak Apec ialah menstabilkan pasaran mata wang dan ia selaras dengan desakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar perniagaan mata wang dikawal bagi mengelak kejatuhan nilainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan ke-23 di Lundang, dekat sini, hari ini.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, Malaysia akan memberi penekanan khusus terhadap isu perniagaan mata wang dan berharap mendapat sokongan negara anggota.

Katanya, beliau ada mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan menteri kewangan beberapa negara anggota di Washington, Amerika Syarikat baru-baru ini dan mereka turut memandang serius isu perdagangan mata wang yang membawa kepada kegawatan ekonomi.

Menurutnya, kesedaran terhadap kesan negatif perniagaan mata wang semakin meningkat selepas kes keruntuhan firma pengurusan dana lindung nilai, Long-Term Capital Management (LTCM) yang membabitkan kerugian besar, baru-baru ini.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan negara Asean yang bersetuju untuk turut mengetengahkan isu berkenaan pada sidang kemuncak Apec di Kuala Lumpur itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Mustapa berkata ramalan menyebut pertumbuhan ekonomi negara akan meningkat secara berperingkat pada kadar sekitar dua peratus tahun depan.

(END)